

**PERAGAAN BARANG KEMAS
(DISPLAY)**

**HASLIZA BTE HAJI MOHD TAHIR
88088012**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA**

1. DIPERIKSA OLEHTARIKH.....

2. DIPERIKSA OLEHTARIKH.....

DILULUSKAN OLEHTARIKH.....

**DEKAN
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**Pura-pura bertanam jati
Jati ditanam ditangah halaman
Cuba-cuba berbuat bakti
Kalau baik buat pedoman**

PENGHARGAAN

1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.

PENGHARGAAN

Maka dengan izin Allah S.W.T. serta berkat doa dan bantuan dari beberapa pihak dapatlah saya menyiapkan tesis ini pada tempohnya.

Oleh itu ingin saya merakamkan ribuan terima kasih terutama sekali kepada penasihat tesis Encik Zahari Dato' Sulaiman yang telah banyak memberi nasihat serta tunjuk ajar.

Kepada Encik Rashid dari K. M. Oli. Mohamed, Habib Jewels, Encik Yap Yook Cheong dari Syarikat Emas Permata Cheong Hing serta Infokraf, Perpustakaan Tun Uda dan Perpustakaan Tun Razak.

Disamping itu saya ingin mengucapkan ucapan ribuan terima kasih istimewa buat Haji Mohd Tahir (Ayah), (Mummy), Kak long dan Boy yang telah banyak memberi bantuan dari segi kewangan serta nasihat dan dorongan dari awal hingga akhir.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Auntie Eda, Uncle Shamsudin serta rakan seperjuangan Zawawi Abdullah yang telah banyak membantu dalam menyiapkan tesis ini.

Jasa baik kalian semua hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya, Insya Allah.

-pengarang-

SINOPSIS

SINOPSIS

Tajuk ini dipilih kerana ia merupakan aspek yang penting dalam mempertingkatkan mutu penjualan barang-barang kemas disamping itu menarik minat pelanggan yang menjadi sumber keuntungan kepada peniaga-peniaga. Perkara ini telah ditekankan dalam 'Jewellery News Asia' dan berbunyi seperti berikut : "In the small theatre of your window you can set a scene of elegane prestige and glamour. Your window can stir the emotions of someone looking for that once - in - a - lifetime anniversary gift or spark an urge to buying someone who was not even shopping until he saw your display. Your window display can make people who have passed by you stop before, look and then want to know more about what else inside your store".¹

Pelanggan memainkan peranan yang penting dalam semua perniagaan. Oleh itu pengusaha-pengusaha mestilah sentiasa berusaha untuk menarik minat pelanggan, dengan adanya pelanggan barulah sesuatu perniagaan itu dianggap berjaya.

1. De Beers Diamond Promotion Service, "Jewellery News Asia."

Pemilihan tajuk ini adalah bertujuan untuk membuat penyelidikan serta mengkaji, bagaimanakah cara yang sesuai untuk menambat hati pelanggan. Seperti pepatah Melayu yang berbunyi 'rambut sama hitam, hati lain-lain'. Berdasarkan lagenda pepatah ini menambat hati pelanggan bukanlah satu perkara yang mudah kerana, pelanggan mempunyai berbagai-bagai citarasa dan amat sukar bagi sesuatu pihak untuk memenuhinya.

Disamping itu juga tajuk ini akan dapat memberi maklumat serta menerangkan kepentingan perkara ini kepada penjual-penjual. Cara peragaan barang kemas yang menarik akan dapat mempengaruhi lagi mutu barangan jualan. Barangan yang dipamerkan akan menjadi terserlah serta menampakkan keanggunannya khususnya apabila mereka menggunakan latarbelakang yang menarik, bahan-bahan yang baik dan penggunaan pancaran cahaya yang sesuai, ini akan dapat menghidupkan suasana serta mutu barangan yang dipamerkan itu. Dengan itu kajian dari segi penggunaan bahan harus diambil kira.

Memandangkan masih , terdapat perbezaan-

perbezaan yang ketara dari segi cara memperagakan barang kemas di Malaysia dan luar negeri, adalah tujuan tesis ini untuk mengkaji perbezaan serta kelemahan dan kekurangan dalam peragaan tersebut. Disamping itu membuat perbandingan dan mencari jalan bagaimana permasalahan ini dapat diatasi.

Bagi menghasilkan tesis ini kaedah yang diambil ialah dengan cara membuat penyelidikan melalui temubual dengan pengusaha-pengusaha kedai emas, merujuk buku-buku, majalah-majalah untuk melihat perbezaan di Malaysia dan luar negeri. Disamping itu juga memperolehi maklumat melalui gambar-gambar. Dengan menggunakan kaedah-kaedah ini maka setelah memperolehi maklumat tesis dari kesemua bahan dan temubual ia digabungkan serta disusun sehingga menghasilkan tesis yang terdiri daripada beberapa bab.

Secara kesimpulannya, dengan menggunakan kaedah-kaedah bagi mendapatkan maklumat maka terhasillah sebuah tesis yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengusaha-pengusaha kedai emas tentang betapa

pentingnya peragaan barang kemas dan dalam tujuan untuk memberi menafaat kepada pengusaha-pengusaha dalam usaha memajukan perniagaan serta menyahut seruan wawasan 2020.

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

HALAMAN PEMERIKSA

PENGHARGAAN

I

SINOPSIS

II

SENARAI ILLUSTRASI

III

SENARAI LAKARAN

IV

SENARAI SISIPAN

V

Pengenalan

VI

BAB 1

1. DEFINASI PERAGAAN

1

1.1. TEMA PERAGAAN

3

1.2. CIRI-CIRI PERAGAAN

8

1.3. DEFINASI BARANG KEMAS

12

BAB 2

2. PENGGUNAAN BAHAN DALAM PERAGAAN

15

2.1. KAIN

16

2.1.1. KAIN BALDU

17

2.1.2. KAIN SATIN

22

2.1.3. KAIN SUTERA

23

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

2.2. BAHAN-BAHAN BUANGAN	25
2.2.1. PLASTIK	25
2.2.2. TUNGGUL KAYU	26
2.2.3. CENGKERANG SIPUT	27
2.3. GAMBARAN BANGUNAN	28
2.4. CECAIR	30
2.5. WARNA	34
2.6. PENGCAHAYAAN	36

BAB 3

3. PERBEZAAN PERAGAAN BARANG KEMAS DI MALAYSIA DAN LUARNEGERI	42
--	-----------

BAB 4

4. TEKNIK PERGAAN	50
-------------------	-----------

BAB 5

KESIMPULAN	57
BIBLIOGRAFI	61

SENARAI ILLUSTRASI**MUKASURAT**

1. Peragaan bertemakan Hari Krismas	6
2. Bahan yang menggambarkan tema Hari Krismas	6
3. Peragaan tema Hari Valentine	7
4. Kain baldi digunakan bagi pembalut	18
5. Gambaran bangunan digunakan dalam peragaan	29
6. Gelas wine berisi cecair terdapat dalam peragaan	31
7. Cecair berwarna ungu dalam gelas wine	32
8. Batu Amethyst	32
9. Jenis lampu yang digunakan dalam peragaan	39
10. Kesan yang diperolehi dari perletakkan lampu yang salah.	40
11. Suasana fantasi dalam peragaan	45
12. Teknik pengcahayaan dalam peragaan	46
13. Peragaan yang terlalu penuh atau padat	48
14. Peragaan yang ringkas	48
15. Bahan yang digunakan dalam peragaan	49
16. Berbagai teknik peragaan menggambarkan suasana	55
17. Teknik memperagakan cara ringkas	56
18. Kelemahan - tanpa peragaan	54

SENARAI LAKARAN

MUKASURAT

1. LAKARAN PERAGAAN BERTEMAKAN HARI RAYA ADILFITRI	50
2. LAKARAN PERAGAAN BERTEMAKAN JUALAN AKHIR TAHUN	52

SENARAI SISIPAN

1. Peragaan yang menggunakan bahan plastik
2. Peragaan yang menggunakan bahan tunggul kayu
3. Peragaan yang menggunakan bahan sampingan
4. Peragaan yang menggunakan teknik 'focus point'.
5. Penggunaan batu 'rough cut' untuk menampak kesinambungan dengan barang kemas yang terdiri dari mutiara.
6. Peragaan yang menggambarkan suasana pergunungan untuk memperlihatkan berbagai jenis batu permata.
7. Peragaan yang menggunakan sebahagian daripada bangunan Greek yang menggambarkan kekuatan atau mutu barang kemas yang dipamerkan.
8. Peragaan yang tidak sesuai serta kelihatan berserabut kerana pada bahagian lantai diletakkan terlalu banyak barang kemas beserta dengan bahan yang digunakan.
9. Teknik peragaan yang ringkas, barang kemas hanya diletakkan pada bahagian lantai.
10. Peragaan yang menggunakan kain baldi sebagai alas.
11. Bahan yang menggambarkan perayaan Hari Krismas.
12. Antara jenis lampu yang digunakan dalam peragaan.

13. Penggunaan kain yang berwarna hitam bagi menampakkan kontras dan imbalan diantara bahagian atas dan bawah.
14. Peragaan yang menunjukkan hubungkait diantara tumbuhan dengan hidupan laut (Pokok bunga dengan mutiara).
15. Peragaan yang menunjukkan perspektif dan penggunaan bentuk peragaan yang berbeza.
16. Peragaan yang lebih tertumpu kepada satu jenis barang kemas sahaja.

PENGENALAN

PENGENALAN

Barang kemas merupakan teman sejati khususnya bagi kaum wanita serta tetap menggambarkan tarikan perhiasan dan pengaruhnya kepada wanita, tidak kira sama ada warisan itu berlatarbelakangkan gaya hidup moden atau sebaliknya. Perhiasan diri tetap mendapat tempat yang istimewa.

Lantaran ini peragaan barang kemas merupakan suatu faktor yang harus diberi perhatian secara serius khususnya dalam proses penjualan dimana ia juga merupakan suatu aspek yang penting bagi tujuan untuk menarik minat pelanggan dengan cara mempelawa, mereka untuk datang dengan lebih dekat lagi, dan meneliti barangan yang ditawarkan oleh sipenjual. Jika hasrad ini tercapai dengan secara tidak langsung boleh dikatakan lebih daripada 50 % tujuan penjualan tersebut telah dipenuhi. Proses penjualan dilakukan dengan susunan objek-objek secara teratur dan mengkomplementerikan diantara satu sama lain. Justeru itu, minat yang timbul berserta dengan kehendak untuk membeli barang-barang yang dipamerkan itu akan terserlah.

Disamping itu juga apa yang dilihat dari kaca mata pelanggan ia merupakan sebagai satu penghayatan pementasan yang secara seponatan atau secara tidak langsung melibatkan sipemerhati itu sendiri serta disaat itu juga pemikiran mereka menghadapi berbagai-bagai cadangan dan bantahan untuk memiliki barangan tersebut. Hasil dari pembahasan ini barulah keputusan dibuat sama ada perlu dibeli atau menangguhkan pembelian barangan tersebut. Keputusan ini bergantung daripada banyak mana pameran itu berjaya menarik hati seseorang pelanggan.

Kepekaan dalam hal-hal mengenai peragaan barang kemas haruslah dilaksanakan oleh pakar-pakar yang memahami tentang aspek-aspek psikologi, hiasan dalaman dan juga unsur-unsur fizik. Dengan adanya pertimbangan, hal-hal yang sedemikian barulah dianggapkan sesuatu pameran atau peragaan itu berjaya. Ini dilihat dari kurangnya perhatian serta kurangnya pengusaha-pengusaha kedai emas yang mengambil berat dalam hal ini samada mereka sedar atau tidak disedari akan pentingnya peragaan barang kemas dalam perniagaan mereka. Disamping itu juga konsep untuk menjimatkan belanja semata-mata,

BAB 1

1. DEFINASI PERAGAAN

"Peragaan atau lebih dikenali dengan 'display' dalam bahasa Inggeris atau 'displicare' dalam bahasa latin yang membawa maksud membuka sesuatu yang telah penuh, iaitu meluahkan atau mempamerkan apa yang terdapat di dalam simpanan. Manakala dalam bahasa Jepun ia disebut 'tenji', iaitu ia terhasil dari dua watak China. Watak yang pertama bermaksud, untuk disebar dan watak kedua bermaksud untuk diletakkan di atas meja. Kedua-dua maksud ini digabungkan maka terhasil maksud² untuk disebar atau pemandangan di atas meja."

Pada keseluruhannya peragaan membawa erti pertama memerlukan ruang. Kedua, membongkar sesuatu atau mempamerkan. Pamer atau 'show' dalam bahasa Inggeris adalah diantara perkataan yang selalu digunakan bagi menggantikan perkataan peragaan. Perkataan pamer adalah untuk diperlihatkan supaya ia diketahui serta memberi penerangan secara sepontan kepada pemerhati. Disamping itu juga ia memerlukan promosi. Dengan itu ketiga-tiga perkataan iaitu ruang, penerangan dan pro-

2. Haruhisa Hattori, "How to Understand and Use Display"

mosi adalah tiga perkataan yang mempunyai hubungkait yang rapat dan penting dalam memahami maksud peragaan.

Kesimpulan definasi peragaan ialah mempamerkan serta memberi penerangan tentang barangan yang disediakan. Secara tidak langsung menarik minat sipemerhati untuk datang, lihat dengan lebih dekat lagi dan membeli atau mempunyai hasrat untuk membeli barang tersebut.

1.1.TEMA PERAGAAN BARANG KEMAS

Soalan akan timbul, apakah gunanya serta kelebihan kotak cermin atau 'window display' dalam peragaan barang kemas ?

Kotak cermin atau dipanggil 'window display' adalah merupakan suatu pusat atau tempat mengeluarkan maklumat bagi para pemerhati. Ia secara tidak langsung merupakan pusat sumber pengiklanan yang mengeluarkan keterangan dan penerangan kepada para pemerhati.

Peragaan ini seharusnya berasaskan tema untuk memudahkan kerja-kerja peragaan dijalankan. Tema ini boleh berasaskan dari perayaan iaitu seperti di negara Malaysia ini terdapat berbagai-bagai bangsa serta menganuti agama yang berlainan, maka terhasillah beberapa perayaan iaitu diantaranya:-

- a) Hari Raya Adilfitri
- b) Hari Deepavali
- c) Tahun Baru Cina
- d) Hari Krismas

Tema ini boleh juga berasaskan kepada perayaan lain atau sampingan iaitu seperti :-

- a) 'Valentine Day' atau hari kekasih
- b) Tahun baru
- c) Hari kemerdekaan negara Malaysia
- d) Hari ulang tahun kedai
- e) Jualan penghabisan Stok

Setiap perkerjaan yang dijalankan haruslah dengan sistematik dengan itu tema perlu wujud bagi memudahkan mencapai matlamat peragaan yang sebenarnya. Serta dengan tujuan supaya pelanggan yang melalui kedai tersebut mengetahui barang yang apakah yang dikeluarkan serta bersesuaian dengan perayaan atau musim tersebut.

Di sini disertakan beberapa contoh peragaan yang disesuaikan mengikut peragaan atau musim antaranya ialah :

HARI KRISMAS

Gambar di bawah ini menunjukkan peragaan yang

beresuaian dengan Hari Krismas. Oleh itu antara bahan yang digunakan bagi memperlihatkan tema perayaan Hari Krismas ialah, pertama kapas ia yang diibaratkan seperti salji. Ini adalah kerana Hari Krismas jatuh pada bulan Disember dan pada bulan ini salji turun di kutub utara.

Bahan yang lain ialah gelas wine yang kosong menggambarkan salah satu ciri-ciri Hari Krismas iaitu pada malam Hari Krismas semua yang menganuti agama Kristian akan berkumpul seisi keluarga pada jamuan makan malam, yang mana makanan utamanya ialah ayam belanda. Manakala upacara pembukaan majlis ini dimulakan dengan meminum wine.

Dengan itu gelas wine ini adalah beresuaian dengan tema Hari Krismas. Disamping itu bahan lain yang berkaitan dengan tema ini ialah bebola yang berwarna merah, hijau dan perang adalah menggambarkan bahan yang digunakan untuk digantung pada pokok krismas.




Bahan yang terdapat pada gambar di bawah ini ialah bahan yang di gantung pada pintu masuk rumah bagi yang merayakan Hari Krismas dan bahan ini juga digantung pada pokok krismas.



'VALENTINE DAY'

Hati yang berwarna merah melambangkan percintaan. Oleh itu lambang ini kerap kali digunakan dalam memperagakan bagi tema Hari Valentine atau juga disebut sebagai Hari Kekasih.

Dibawah ini disertakan gambar yang menggunakan motif hati berserta bahan-bahan sampingan bagi memperlihatkan peragaan yang berkaitan dengan tema Hari Kekasih.



1.2. CIRI-CIRI PERAGAAN

Peragaan barang kemas mempunyai beberapa ciri yang penting dapat diteliti iaitu ciri peragaan yang pertama ialah ruang.

"Perkataan tempat kerap digunakan bagi menggantikan perkataan ruang. Perkataan tempat atau 'place' dalam perkataan Inggeris mempunyai 2 makna, satu mewakili ruang itu sendiri dan satu lagi menerangkan bagaimana ruang itu digunakan. Peragaan adalah berkaitan dengan kedua-dua maksud itu."³

Ruang ini mewakili tempat peragaan, oleh itu ruang yang besar maka besarlah kawasan peragaan tersebut dan jika ruang yang kecil maka sebaliknya. Tetapi bagi ruang peragaan barang kemas yang diperlukan adalah tidak besar. Di sini disertakan saiz 'show window' atau kotak peragaan mengikut ukuran cermin.

3. Haruhisa Hattori, "How to Understand and Use Display".

"Disamping itu dalam bahasa Jepun perkataan lain bagi kedai ialah 'tona' yang membawa makna 'shelves'. Ini menerangkan kemampuan sesebuah kedai itu memperagakan objek dengan banyaknya mengikut ruang."Oleh itu ciri-ciri peragaan seperti dinyatakan di atas ialah menerangkan, peragaan adalah untuk mempamerkan sebanyak mana objek yang boleh atau termampu.

Selain dari itu ciri-ciri peragaan barang kemas ialah "tindakbalas dari lima deria. Manusia mempunyai lima deria iaitu lihat, dengar, bau, rasa dan sentuh. Kita sentiasa menggunakan deria ini di dalam ruang. Bagi deria penglihatan, sentuh dan rasa kita memerlukan ruang yang banyak manakala 2 lagi deria iaitu bau dan dengar kita tidak memerlukan ruang yang banyak."

Maksud lima deria ini ialah "keseronokan datang sebelum lain-lainnya iaitu peringkat permulaan keseronokkan ialah perangsang pada mata. Sebagai contoh
4
sesuatu yang berkilat, terang dan berwarna-warni."

"Ia adalah penting untuk menarik tumpuan mata

4. Haruhisa Hattori, "How to Understand and use Display".

orang ramai untuk mendapatkan keterangan. Oleh itu adalah perlu beberapa nasihat. Ini dipanggil 'eye catchers' dalam bahasa Inggeris atau permainan tumpuan. Ia patut dipanggil benda yang dapat menarik tumpuan mata. Iaitu seperti benda yang dapat mendorong cahaya seperti sinar cerah, benda yang ada gerakan warna cerah, perangsang bentuk, percampuran yang ganjil dan sebagainya.

Disamping itu ciri-ciri peragaan ialah merupakan tempat iaitu bermakna ia membuka peluang untuk sesiapa yang memerhati peragaan untuk turut terlibat. Ini ialah apabila pemerhati tersebut melihat peragaan maka timbul tindakbalas untuk bertanyakan soalan. Dengan ini peragaan haruslah mempunyai peranan untuk menimbulkan sesuatu di dalam hati pemerhati. Iaitu perasaan ingin tahu selanjutnya."

5

Dengan itu ciri penglibatan adalah untuk menarik pelanggan supaya turut serta menghayati peragaan tersebut dan seterusnya tertarik dan mempunyai hasrat untuk membeli.

5. Haruhisa Hattori, "How to Understand and Use Display".

"Berhampiran dengan objek juga adalah merupakan ciri-ciri peragaan iaitu pemandangan yang dekat pada objek adalah sungguh baik kerana dapat melihat dengan lebih jelas dan lebih luas serta pelanggan akan merasa puas sebab mengetahui bentuk keseluruhannya."⁶

Oleh itu ciri peragaan barang kemas adalah penting kerana ia merupakan faktor utama dalam pembentukan peragaan yang berjaya serta menarik perhatian pelanggan.

6. Haruhisa Hattori, "How to understand and Use Display".

1.3.DEFINASI BARANG KEMAS

Teman karib wanita ialah barang kemas. Oleh itu tidak hairan jika kelihatan setengah wanita memakai barang kemas yang cantik dan mahal serta membelanjakan banyak wang untuk barang kemas.

Barang kemas telah wujud sejak dahulu lagi dan dikenali sebagai perhiasan diri. Pada ketika itu barang kemas disuaikan sebagai tangkal dan dipercayai boleh melindungi sipemakainya dari bahaya atau bencana alam. Bahan-bahan yang digunakan adalah terdiri dari barang buangan seperti tulang-tulang binatang, akar-akar kayu, gading dan sebagainya.

Lama-kelamaan barang kemas ini dijadikan sebagai barangan yang dipakai ketika sesuatu adat istiadat dijalankan. Penggunaan barang kemas dalam adat istiadat masih lagi digunakan sehingga masa kini kerana masyarakat dahulu sentiasa menjaga adat ini dari hilang iaitu seperpatah Melayu lama 'biar mati anak jangan mati adat'. Disamping itu barang kemas ini terbahagi kepada

beberapa bahagian iaitu antaranya gelang tangan dan kaki, rantai leher, cucuk sanggul, kerongsang, subang dan cincin.

Sehingga ke hari ini barang kemas masih lagi digemari oleh kaum wanita dan terdapat juga barang kemas untuk kaum lelaki. Pemakaiannya tidak hanya terhad pada sesuatu kepercayaan atau adat istiadat sahaja tetapi ia telah dijadikan sebagai barang kemas untuk kegunaan seharian.

Reka bentuk barang kemas dahulu dan sekarang telah jauh berbeza. "Rekaan barang kemas sekarang ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:-

'ELITE'

- Formal untuk wanita bergaya

'WORKING WOMEN'

- Barang kemas ini sesuai untuk wanita yang sibuk

- Ia sesuai dipakai contohnya :- Untuk ke 'tennis courts', 'gala dinner's dan 'business meeting's.

'MYSTIQUE'

- Bagi wanita yang ingin kelihatan 'mysterious' dan 'elegant'.

'AVANT-GRADE' ATAU KASUAL

- Untuk golongan muda antara 16-25 tahun.⁷

Barang kemas boleh memberi penampilan yang berbeza kepada pemakainya. Oleh itu setiap wanita baik tua atau muda sentiasa memakai barang kemas kerana ia melambangkan ciri-ciri kewanitaan.

7. "Entry Form - 1991 Diamond's Today

BAB 2

2. PENGUNAAN BAHAN DALAM PERAGAAN

Kejayaan peragaan untuk menarik minat sipemerhati, banyak bergantung kepada bahan-bahan yang digunakan. Penggunaan bahan baik boleh mempertingkatkan lagi imej sesuatu barangan yang dipamerkan. Pemilihan bahan harus juga diperhatikan keperluan sampingan bagi menaikkan mutu barangan yang dipamerkan iaitu seperti warna bahan, textura, corak, tindakbalas cahaya terhadap bahan tersebut diambil kira.

Disamping itu peragaan barang kemas berserta dengan bahan yang telah dipilih haruslah sentiasa kelihatan bersih. Oleh itu "terdapat tiga faktor penting dalam pemilihan bahan, iaitu yang pertama mereka peragaan yang mudah untuk dibersihkan. Faktor kedua ialah mereka peragaan yang sukar untuk menjadi kotor dan yang ketiga memilih bahan yang tidak memperlihatkan habuk atau mudah memerangkap habuk."¹⁰

Implikasi kewangan tidak menjadi faktor utama dalam peragaan kerana bahan yang digunakan tidaklah -----
10. Harushisa Hattori, "How To Understand and Use Display". hal 131

seharusnya terdiri daripada bahan yang mahal. Malah barang yang berharga murah serta cara susunan yang menarik akan memperlihatkan peragaan tersebut kelihatan eksklusif serta dapat menyerlahkan lagi barang kemas yang dipamerkan.

Oleh itu pemilihan setra pengkajian terhadap kelebihan dan kekurangannya adalah penting kerana bahan yang terdapat dalam peragaan akan membantu menyerlahkan barangan yang terdapat dalam peragaan tersebut.

Dibawah ini dinyatakan beberapa jenis bahan serta cara menggunakannya bagi meninggikan lagi mutu peragaan.

2.1. KAIN

Kain memainkan peranan penting dalam barangan kemas kerana kain ini berperanan, mengelakkan barangan kemas ini dari calaran dan gurkan. Oleh itu sifat utama kain ini adalah sebagai pelindung kepada barangan kemas.



Di dalam peragaan peragaan kain ini digunakan sebagai hiasan atau sebagai bahan alas, juga digunakan sebagai bahan yang pembalut kepada bahan lain.


Kain terdapat dalam berbagai jenis dan kegunaan, antaranya adalah seperti dibawah.

2.1.1. KAIN BALDU

Kain baldu adalah sejenis kain yang gebu sedikit permukaan atasnya. Ia kebanyakannya digunakan sebagai bahan pembalut kepada bahan lain. Bahan lain yang dimaksudkan di sini ialah strawboard, mounting board, ploysteren dan sebagainya. Kain dijadikan pembalut pada bahan ini adalah untuk menutup bahan tersebut supaya kelihatan menarik dan nampak mahal. Gambaran disertakan menunjukkan penggunaan kain baldu dijadikan sebagai pembalut.







Bukan semua warna kain baldu sesuai digunakan sebagai bahan pameran berserta dengan barang kemas. Ini adalah kerana warna yang terang atau garang akan menenggelamkan imej yang hendak ditonjolkan. Warna kain baldu yang bersesuaian dengan barang kemas ini ialag terdiri dari warna cerah iaitu seperti warna krim, putih, hitam, merah hati, warna 'beach' dan sebagainya.

Kain baldu ini terdapat juga kelebihan dan kekurangannya. Kelebihan kain baldu ini ia tidak mudah renyuk dan penggunaannya dalam peragaan barang kemas adalah sesuai kerana ia dapat menyerlahkan mutu barangan kemas dan memperlihatkannya lebih eksklusif. Manakala kelemahan penggunaan kain baldu ini ialah ia mudah memerangkap habuk, dan warnanya juga mudah pudar.

Secara keseluruhannya kain baldu adalah sesuai digunakan dalam peragaan barang kemas serta konsep yang sesuai dengan penggunaan bahan ini ialah untuk menonjolkan barangan kemas secara langsung.

2.1.2. KAIN SATIN

Kain satin adalah tebal lagi lembut serta licin. Ia jarang digunakan dalam peragaan barangan kemas dan penggunaannya bergantung kepada konsep yang hendak ditonjolkan atau disampaikan oleh pengusaha-pengusaha.

Bagi penggunaan kain satin, konsep yang digunakan adalah bebas iaitu untuk mendapatkan kesan alunan atau berombak-ombak dan barangan kemas diletakkan diantara kain-kain ini. Konsep ini juga dikenali dengan konsep misteri.

Warna kain satin yang sesuai digunakan berserta dengan barangan kemas ialah warna yang gelap iaitu seperti hijau tua, merah hati, biru gelap dan sebagainya.

Penggunaan kain satin ini adalah dengan cara mendapatkan kesan beralun-alun atau berombak-ombak dan ia disusun dibahagian lantai tempat peragaan dan tidak disusun terlalu tinggi.

Disamping itu juga kain satin ini digunakan sebagai tirai atau tabir bagi bahagian belakang kotak cermin atau 'show window'. Kain satin ini juga memberi gambaran renyuk dan oleh itu cara penggunaan kain satin ini memberi maksud bebas.

2.1.3. KAIN SUTERA

Kain sutera yang dimaksudkan di sini ialah kain sutera yang mempunyai corak batik lukisan tangan. Lukisan pada corak batik ini tidak perlu penuh dan warna yang terdapat pada kain sutera ini tidak boleh warna yang garang atau terang kerana ia akan memberi kesan sampingan kepada barang kemas iaitu ia akan mentenggelamkan barangan yang hendak ditonjolkan.

Kotak cermin atau 'show window' yang tinggi atau besar adalah sesuai menggunakan kain sutera. Kain sutera ini direntang dari atas ke bawah dan barangan kemas yang dibuat dari perak adalah sesuai diperagakan berserta kain sutera. Ini adalah kerana untuk penggunaan

kain sutera berserta barang kemas yang dibuat dari perak akan menunjukkan ciri-ciri ke Melayuan serta melambangkan negara Malaysia.

Kain sutera ini adalah bersesuaian dengan konsep yang menunjukkan ciri-ciri Malaysia sebagai contohnya kain sutera ini digunakan dalam peragaan ketika perayaan 'Malaysia Fest', Tahun melawat Malaysia dan sebagainya.

2.2. BAHAN-BAHAN BUANGAN

Bahan yang digunakan dalam peragaan tidak semestinya terdiri daripada bahan yang mahal. Bahan-bahan buangan yang dimaksudkan di sini adalah bahan yang tidak diperlukan lagi tetapi masih boleh digunakan dalam peragaan barangan kemas.

Diantara bahan-bahan buangan ini adalah seperti berikut:-

2.2.1. PLASTIK

Plastik yang dimaksudkan di sini adalah plastik yang digunakan untuk membungkus bahan-bahan kaca. Penggunaan plastik dalam peragaan barang kemas terdapat bermacam-macam cara diantara terdapat di dalam bahagian sisipan nombor .

2.2.2. TUNGGUL KAYU

Tunggul kayu yang berbentuk unik dan jarang dijumpai boleh digunakan sebagai bahan perhiasan atau bahan sampingan dalam peragaan barang kemas.

Tunggul kayu ini boleh di 'varnish' atau di 'shellac' bagi mendapatkan kesan kilat dan akan kelihatan lebih cantik tanpa menjejaskan jaluran atau texture yang terdapat pada kayu tersebut.

Tunggul kayu ini terdiri daripada akar pokok yang telah dibersihkan dari tanah dan ia akan kelihatan cantik jika telah di 'varnish' atau di 'shellac'.

Gambaran bagaimana kayu ini disusun dalam peragaan barang kemas disertakan dalam bahagian sisipan nombor .

2.2.3. CENGERANG SIPUT

Cengkerang siput yang besar adalah cantik jika digabungkan dengan bahan-bahan lain bagi memperlihatkan peragaan yang kelihatan seperti pemandangan ditepi laut dan sebagainya.

Barang kemas yang sesuai diperagakan berserta cengkerang siput ini ialah barang kemas yang mempunyai rekabentuk yang simple dan barang kemas yang berasal dari laut iaitu seperti mutiara kerana bersesuaian dengan suasana di tepi pantai yang terdapat dalam peragaan itu.

Terdapat berbagai-bagai teknik atau cara menyusun cengkerang dalam mempersesuaikan dengan barang kemas yang terdapat dalam peragaan tersebut.

2.3. GAMBARAN BANGUNAN

Bagi mendapatkan kesan keteguhan atau ketahanan gambaran bangunan boleh digunakan dalam peragaan barang kemas. Gambaran bangunan ini boleh dibuat dengan polysteren atau dilukis.

Gambaran bangunan ini juga kelihatan digunakan bagi setengah-setengah peragaan barang kemas iaitu ketika musim perayaan seperti Hari Raya Puasa dan sebagainya.

Gambaran bangunan ini diperagakan ditengah-tengah peragaan atau dijadikan sebagai gambaran bagi latar belakang peragaan.

Barang kemas yang disertakan dengan gambaran bangunan ini ialah barang kemas yang 'solid' dan selalunya mahal harganya kerana ini sesuai dengan suasananya yang memperlihatkan keteguhan seperti gambaran bangunan itu sendiri.

Gambaran dibawah ini menunjukkan sebahagian daripada tiang Greek yang diletakkan di tengah-tengah peragaan barang kemas. Tiang Greek ini dibuat dengan menggunakan ploysteren dan ia diwarnakan pada beberapa bahagian untuk mendapatkan gambaran bentuk tiang Greek.

Bagi barang kemas yang disertakan dalam peragaan ini adalah terdiri dari barang kemas yang kelihatan 'solid', contohnya kelihatan pada rantai leher itu sendiri, di mana ia kelihatan kaku dan ini secara langsung mengabungkan rekaan barang kemas yang melambangkan kaku atau teguh dengan tiang Greek ini.

Disamping itu terdapat bunga di tengah serta kiri dan kanan tiang tersebut yang mengurangkan suasana tension atau gambaran ketegangan yang terdapat pada peragaan barang kemas ini.



2.4. CECAIR

Bagi mengelakkan barang kemas yang berserta ikatan batu permata mudah retak maka cecair diletakkan berserta dengan peragaan barang kemas. Ini adalah kerana cahaya lampu yang digunakan untuk menyuluh barang kemas mengeluarkan haba yang panas dan ini ada kalanya memberi kesan kepada batu permata terutamanya batu zamrud yang tidak tahan haba kepanasan yang tinggi.

Cecair yang dimaksudkan di sini ialah air biasa yang diletakkan didalam bekas yang tidak mengganggu pandangan mata atau merosakkan peragaan tersebut.


Bekas yang cantik serta kecil dan di sini bekas yang selalu digunakan ialah gelas wine. Gelas wine ini sebaiknya berwarna jernih kerana ia tidak mengganggu pandangan mata pada peragaan itu. Di bawah ini disertakan satu contoh peragaan barang kemas yang disertakan dengan gelas wine berisi cecair bagi tujuan melindungi batu zamrud daripada mudah retak ketika di peragakan dalam kotak cermin atau disebut 'show window'.

Perletakan gelas ini adalah pada tempat yang strategik kerana bahan sampingan yang terdapat di dalam peragaan ini adalah terdiri dari bahan yang berwarna jernih iaitu serupa dengan gelas tersebut. Antaranya adalah bahan yang terletak di sebelah kiri gelas wine tersebut yang berbentuk bulat di mana disekelilingnya terdapat cermin yang berbentuk empat segi sama dan berwarna jernih. Disamping itu bahan pemegang gelang iaitu supaya gelang tersebut berada dalam keadaan tegak juga berwarna jernih dan warna yang terdapat pada tapak peragaan itu juga adalah sama.

Oleh itu keseimbangan wujud dari segi penggunaan bahan dan warna bahan yang terdapat dalam peragaan tersebut.



Disamping cecair yang berwarna jernih, cecair ini boleh juga dicampur dengan pewarna iaitu sebaiknya cecair yang berwarna sama dengan barang kemas yang mempunyai ikatan batu permata yang terdapat dalam peragaan tersebut. Contoh terdapat pada gambar dibawah iaitu gelas wine yang berisi air berwarna ungu adalah sesuai diletakkan berserta dengan barang kemas yang mempunyai ikatan batu permata yang berwarna ungu.



Amethyst meant 'not drunk' in ancient Greek. In former ages this purple gem was held to be proof against the effects of the purple grape, and the association became so ingrained that large amethysts are traditionally found in ecclesiastical rings, guarding their wearers from unseemly intoxication at church banquets.

The amethyst was a love charm, an aid to sleep, protection against thieves and the birthstone for Aquarians. It can be violet, dark purple, or any colour in between, and has reddish and bluish shades. Its worth is determined by its clarity and the depth of colour.



Bebola kaca yang berwarna-warni boleh juga diletakkan di dalam cecair tersebut. Bebola ini akan kelihatan cantik dengan mendapat tindakbalas dari cahaya yang terdapat dalam kotak cermin atau 'show window' tersebut.

Cecair adalah merupakan suatu bahan yang penting dalam penjagaan mutu barang kemas kerana tanpa meletakkan air pada peragaan barang kemas akan menjadikan batu tersebut retak dan ini menyebabkan kerugian akibat kecuaiian yang kecil.

2.5. WARNA

Setiap bahan mempunyai warna tetapi tidak semua warna sesuai bagi peragaan barang kemas. "Warna boleh dikatakan memberi keadaan panas iaitu seperti merah, kuning, jingga atau sejuk iaitu warna hijau, biru¹¹ dan ungu."

Bahan yang digunakan untuk peragaan barang kemas perlu dikaji untuk mendapatkan suatu suasana yang telah dipilih mengikut tema.

"Bagi barang kemas yang mempunyai ikatan batu permata terutamanya batu permata berlian ia boleh dipamerkan dengan menggunakan satu warna iaitu warna ungu gelap atau hitam. Boleh juga disebalik satu warna 'primary' iaitu merah, kuning atau biru dan bukan warna 'primary' ialah hijau.

Pilih warna yang kelihatan sama dengan berlian. Warna biru, hijau, merah dan ungu memperlihatkan cahaya yang memancar atau disebut dalam bahasa Inggeris

11. "Jewellery News Asia".

'show the fire of a diamond'. Berlian dengan kuning samar memperlihatkan warna yang cantik dan lebih baik jika dibandingkan dengan warna ungu, ungu kebiruan atau ungu kemerahan bagi latar belakang. Manakala berlian yang tanpa warna kelihatan lebih elok dengan latarbelakang hitam."¹²

Oleh itu warna adalah penting dalam peragaan barang kemas kerana ia boleh memberi tindakbalas keatas barangan yang diperagakan.

12. "Jewellery News Asia".

2.6. PENCAHAYAAN

Pengcahayaan atau kerap kali disebut 'lighting' dalam bahasa Inggeris adalah merupakan satu bahagian yang penting dalam memberi kesan terhadap jualan.

"Lampu mempunyai beberapa keunggulan dan kekhususan kesan dan suasana yang kurang selaras dengan fungsi ruang tersebut. Oleh kerana itu pemilihan dan pemanafatan lampu pada suatu ruang, harus dilaksanakan dengan cermat dan unik. Kercermatan tersebut meliputi pemilihan bentuk lampu, kuatnya pengcahayaan, kesan yang ditampikan serta arah sinar."¹³

"Objek utama pengcahayaan ialah untuk menentukan gambaran kedai tersebut. Cahaya adalah pusat unsur rekaan yang mengabungkan di antara unsur rekaan lain pada kedai tersebut, serta menyampaikan kepada pembeli betapa berharganya keluaran jualan itu. Jika cahaya menunjukkan gambaran kepentingan kepada produk tersebut maka wujudlah produk yang bernilai dan jika cahaya memberitahu gambaran umum pada keluaran itu ia kan

13. Sharmi Mahadi, "Seri Interior"

memperlihatkan produk yang kurang berharga.

Objektif kedua cahaya ini ialah untuk menarik perhatian pembeli untuk datang dengan lebih dekat dan memerhatikan peragaan tersebut. Di sini cahaya merupakan sumber ke arah penjualan.

Objektif ke tiga ialah menunjukkan penjualan yang sebenarnya terhadap produk. Untuk memperagakan barang kemas, cahaya mesti menarik perhatian pelanggan dan menukar kualiti produk dengan memperlihatkan ke telitian bahan dan warna yang baik dalam cahaya itu. Cahaya di sini berperanan seolah mengaburi pandangan pelanggan dengan memperlihatkan suatu peragaan yang terdiri daripada barang kemas yang kelihatan cantik serta anggun."¹⁴

Oleh itu cahaya adalah penting berdasarkan dari ketiga-tiga objektif yang maksud keseluruhannya adalah untuk meminggikan lagi mutu peragaan barang kemas dan dengan itu antara jenis lampu serta fungsinya yang sesuai bagi peragaan ini ialah, "gabungan diantara lampu

14. William R. Green, "The Retail Store", hal.107-108.

kalimantan dan kuasa volta yang rendah serta terang. Cahaya yang terang adalah sesuai untuk batu permata berharga kerana ia mengeluarkan sinar atau cahaya yang tajam dan menyebabkan kilauan.


Disamping itu juga 'halogen spotlights' yang mempunyai kuasa volta yang rendah boleh memberi lebih keterangan dengan lampu yang kecil dan menggunakan kurang kuasa elektrik jika dibandingkan dengan kalimantan.

Selain dari itu lampu 'metal halide' juga berkesan iaitu 320 watt halide mengeluarkan cahaya yang sama banyak seperti 150 watt lampu 'incandescent.'¹⁵

Jesteru itu cahaya adalah sangat penting dalam peragaan barang kemas kerana ia membantu meninggikan lagi peragaan barang kemas serta berfungsi menarik perhatian pelanggan dengan memainkan penglihatan mereka.

15. "Jewellery News Asia"


Gambar di bawah menunjukkan contoh lampu yang sesuai digunakan dalam peragaan barang kemas.



6-16. A specular Alzak reflector. *(Courtesy of Juno Lighting, Inc.)*

Lampu perlu diletakkan ditempat yang sesuai maka dengan itu di bawah ini terdapat dua gambar yang pertama memperlihatkan lampu diletakkan dibahagian yag tidak sesuai dan menyebabkan terdapat kesan bayang pada cermin tersebut.


118/LIGHTING



6-8. Above: Veiling reflections caused by light sources focused on a glass showcase distort the view into the product.

6-9. Below: Disturbing reflections have been eliminated by locating the

Gambar kedua ini memperlihatkan bahawa lampu diletakkan di bahagian atas dan dibahagian dalam peragaan, maka ia tidak menyebabkan kesan bayang.



BAB 3

3. PERBEZAAN PERAGAAN BARANG KEMAS DI MALAYSIA DAN LUARNEGERI

Negara Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun mengejar seruan kerajaan - wawasan 2020. Oleh itu tidak hairanlah kedai-kedai barang kemas yang tumbuh ibarat cendawan di merata pelusuk negeri di Malaysia. Masyarakat Malaysia semakin berani membuka perniagaan atas galakkan dan jaminan kekukuhan ekonomi dari kerajaan.

Tetapi mengapa masih terdapat jurang perbezaan peragaan diantara Malaysia dan luarnegeri ? Ini adalah merupakan persoalan yang harus dicari punca kelemahannya.

Antara kajian yang telah dibuat, faktor utama yang menjadi perbezaan peragaan di Malaysia dan luarnegeri ialah perasaan tidak berani iaitu untuk melahirkan suatu peragaan yang berlainan dari lain, samada dari segi penggunaan bahan atau cara peragaan itu sendiri.

Mengapa masyarakat di luarnegeri berani

mencuba dan mengapa tidak di Malaysia. Peragaan merupakan sumber penarikan pelanggan yang utama. Jarang terdapat pelanggan yang terus memasuki sesebuah kedai tetapi sebaliknya melihat koleksi kedai tersebut dari luar iaitu melalui peragaan dan apabila telah timbul minat barulah ia memasuki kedai tersebut.

Jika peragaan yang tidak berjaya dan hanya dibuat sekadar memenuhi ruang maka pelanggan yang melalui kedai tersebut juga akan merasa tidak berminat untuk mengetahui apakah selanjutnya koleksi yang terdapat di dalamnya.

Oleh itu faktor utama perbezaan peragaan diantara Malaysia dan luar negeri ialah perasaan tidak berani mencuba untuk mencari sesuatu yang berlainan bagi tujuan menarik pelanggan kerana sebab utama pelanggan ialah akan mudah merasa bosan bagi peragaan yang sama caranya disetiap pelusuk kedai.

Disamping itu faktor kedua perbezaan ialah suasana peragaan barang kemas. Harus juga diambil perha-

tian terhadap suasana disekitar peragaan, kerana suasana itu dapat menghidupkan keseluruhan peragaan tersebut.

Suasana yang dimaksudkan ialah peragaan dijadikan sebagai sebuah cerita yang mengkaitkan penggunaan bahan dalam peragaan berserta dengan barang kemas yang diperagakan.

Suasana ini bukan sahaja dari keadaan yang terdapat atau kelihatan sahaja tetapi ia boleh juga dari alam fantasi atau alam khayalan yang tidak wujud.


Di bawah ini diperlihatkan gambaran peragaan barang kemas yang terdapat diluarnegeri yang mana jelas berbeza dari segi keberanian bagi menonjolkan peragaan yang mempunyai imej baru serta lebih canggih dalam peragaan, disamping memperlihatkan barang mereka.

Gambar pertama, adalah alam fantasi iaitu terdapat bunga yang bersaiz besar berserta dengan dedaun yang berduri-duri dan terdapat seekor serangga yang bersaiz besar pada salah satu dedaun tersebut. Manakala

barang kemas yang terdiri dari mutiara disesuaikan dengan gambaran ini.




Gambar kedua ini juga adalah bertemakan alam fantasi iaitu bahan-bahan yang terdapat dalam peragaan tersebut seolah-olah berbulu dan bercahaya diujungnyanya. Maka barang kemas yang terdapat dalam peragaan ini ialah cincin yang mempunyai ikatan batu permata yang bersesuaian dengan bahan yang terdapat dalam peragaan tersebut.



Faktor perbezaan ketiga ialah peragaan di Malaysia kurang menonjolkan peragaan berserta pengcahayaan yang canggih. Cahaya boleh melahirkan sesuatu yang berlainan dari objek asal. Misalnya sebagai contoh, pada tahun 1980, Whitney Museum mengadakan pameran yang dipanggil ruang dan cahaya. Seorang wanita dari Oregon bersandar pada apa yang disangka dinding, lalu ia jatuh dan patah tangannya. Dari peristiwa ini, cahaya adalah memainkan peranan penting terutama dalam mengelirukan mata pelanggan.

Contohnya seperti yang terdapat digambar bawah yang memperlihatkan keadaan 'tension' atau tegang dimana kaca terpecah disebabkan benda yang tajam dan cahaya memainkan peranan dalam memperlihatkan keadaan ketegangan tersebut dan barang kemas yang terdapat dalam peragaan tersebut adalah terdiri dari cincin.



Faktor perbezaan yang keempat ialah dalam peragaan yang terdapat di luar negeri peragaannya tidak dipenuhi dengan barang kemas semata-mata. Ini adalah berbeza sama sekali dengan peragaan di Malaysia iaitu peragaan barang kemas cuba dipenuhi dengan berbagai jenis barang kemas sehingga memperlihatkan peragaan tersebut kelihatan berserabut.

Peragaan barang kemas tidak harus dimuatkan keseluruhan peragaan tersebut dengan barang kemas sahaja tanpa terdapat penggunaan bahan sampingan. Memang pada dasarnya tujuan peragaan adalah untuk memperlihatkan barang kemas rekaan yang bagaimana terdapat di kedai tersebut tetapi biarlah kuantiti barang kemas tersebut sedikit supaya keadaan suasana persekitaran peragaan ini kelihatan normal dan mudah dihayati oleh pelanggan dan untuk mengetahui seterusnya pelanggan ini terpaksa masuk ke dalam kedai tersebut.

Contoh gambar bagi keterangan ini ialah dibawah terdapat gambar menunjukkan sebuah peragaan barang kemas yang terdapat di Malaysia yang mempunyai

kelemahan dari segi kuantiti barang kemas tersebut. Barang kemas yang terdapat dalam peragaan ini adalah banyak dan peragaan ini kelihatan selibut dengan barang kemas dan bahan-bahan iaitu kapas serta tali yang semuanya cuba dimuatkan dibahagian lantai peragaan.




Manakala gambar dibawah ini menunjukkan peragaan barang kemas di luarnegeri yang hanya mempunyai dua utas rantai berserta loket dalam peragaan ini.



Ahkir sekali bagi faktor kelima perbezaan yang jelas kelihatan diantara peragaan barang kemas di Malaysia dan luarnegeri ialah dari segi penggunaan bahan iaitu peragaan barang kemas diluarnegeri terdapat yang menggunakan bahan yang boleh dikatakan tidak berkait dengan tema atau imej peragaan itu sendiri tetapi ia kelihatan cantik dan bersesuaian dengan barang kemas tersebut.

Contoh bagi keterangan ini terdapat pada peragaan diluarnegeri dengan penggunaan bahan iaitu trumpet. Warna keemasan trumpet ini menonjolkan atau menyerlahkan cincin yang terdapat dalam peragaan tersebut.




BAB 4

4. TEKNIK MEMPERAGA BARANG KEMAS

Di dalam bab ini terdapat beberapa lakaran berserta penerangan berkenaan dengan teknik memperagakan barang kemas setelah membuat beberapa kajian dan penyelidikan terhadap tema, ciri-ciri peragaan, penyesuaian bahan dengan tema, warna, cahaya dan setelah dilihat kelemahan serta kekurangan apabila mengkaji perbezaan diantara peragaan di Malaysia dan luar negeri.

Lakaran di bawah ini adalah sesuai dengan tema perayaan iaitu Hari Raya Adilfitri.




Dalam peragaan ini kelihatan gambaran sebahagian bangunan Masjid Sultan Salahuddin yang jelas menunjukkan gambaran Hari Raya Adilfitri. Masjid ini dihasilkan dari polysteren yang kelihatan 3 dimensi.

Disamping itu ketupat diletakkan dibahagian salah satu sudut peragaan. Ketupat adalah hidangan istimewa di Hari Raya Adilfitri ia tidak perlu diletakkan terlalu banyak kerana ini akan memperlihatkan peragaan ini terlalu sesak atau padat.

Manakala barang kemas diletakan diatas kotak peragaan yang berbalut kain baldi yang berwarna hitam. Kotak peragaan ini adalah dalam susunan seperti tangga bagi menampakkan susunan bertingkat-tingkat.

Pancaran cahaya lampu yang terang diperlukan untuk bahagian barang kemas yang terdapat dalam peragaan tersebut.

Lakaran di bawah ini menunjukkan teknik memperagakan barang kemas yang bertemakan jualan akhir tahun.





Lakaran tersebut memperlihatkan peragaan yang memerlukan ruang yang luas ini adalah kerana ia bertema-kan jualan akhir tahun. Oleh itu banyak barang kemas yang perlu diletakkan di dalam peragaan ini.

Bagi mendapatkan ruang yang luas maka bahan tidak boleh terdiri dari bahan yang besar kerana ini akan memperlihatkan peragaan ini kelihatan padat dan sempit.




Dengan itu lakaran ini menunjukkan bahan yang dipilih adalah terdiri dari batu-batu yang diperbuat dari sponge yang keras.

Dari segi pengcahayaan, pancaran cahaya yang terang diperlukan bagi memperlihatkan suasana yang meriah.



Gambar menunjukkan kelemahan yang timbul jika tidak terdapat peragaan.



Berbagai teknik peragaan terdapat dalam gambar di bawah yang menggambarkan suasana tertentu, yang dihasilkan dalam peragaan barang kemas.



Gambar di bawah menunjukkan beberapa teknik memperaga barang kemas secara ringkas, yang dihasilkan oleh beberapa pengusaha.



BAB 5

KESIMPULAN

Peragaan barang kemas adalah merupakan aspek yang penting dalam mempertingkatkan mutu jualan. Tujuan utama peragaan adalah untuk menyampaikan maklumat dan untuk menarik minat pelanggan yang merupakan sumber keuntungan kepada setiap perniagaan.

Barang kemas adalah teman sejati bagi setiap kaum wanita. Oleh itu peragaan adalah penting kerana barang kemas ini tidak akan luput dek zaman. Setiap peragaan yang dihasilkan adalah berasaskan kepada tema-tema yang dipilih mengikut perayaan, musim atau sesuatu peristiwa. Pemilihan tema akan menjadikan kerja-kerja peragaan dijalankan dengan sistematik.

Penggunaan bahan dalam peragaan adalah penting kerana ia membentuk suasana peragaan tersebut dan ini bergantung kepada tema. Pemilihan bahan, perlu dibuat penelitian kerana yang pertama peragaan perlu kelihatan bersih. Terdapat tiga faktor penting dalam pemilihan bahan :

- 1) mereka peragaan yang mudah dibersihkan
- 2) mereka peragaan supaya ia tidak mudah menjadi kotor dengan cepat
- 3) memilih bahan yang tidak memperlihatkan habuk atau mudah memerangkap habuk.

Bahan yang digunakan dalam peragaan terdiri daripada beberapa jenis antaranya kain iaitu seperti kain baldi, kain sutera, kain satin dan sebagainya. Disamping itu juga bahan-bahan buangan juga boleh digunakan dalam peragaan antaranya ialah seperti cengkerang siput, tunggul kayu dan plastik.

Warna yang terdapat pada bahan ini perlu dikaji terlebih dahulu kerana ia perlu diselaraskan dengan keseluruhan peragaan tersebut. Jika penggunaan warna yang terlampau banyak akan menyebabkan peragaan kelihatan berserabut dan akan mentenggelamkan imej barang kemas yang terdapat dalam peragaan tersebut.

Selain dari itu perkara penting yang perlu dibuat penelitian dalam peragaan ialah pancaran cahaya

ke atas bahan. Cahaya yang digunakan tidak boleh menyebabkan bayang pada barang yang diperagakan dan ia sebaliknya menyerlahkan barang kemas yang diperagakan. Dengan itu juga cecair adalah perlu diletakkan dalam peragaan yang mempunyai ikatan batu permata seperti batu zamrud kerana pancaran cahaya yang kuat akan menyebabkan batu tersebut menjadi forest atau rapuh serta ia mudah menjadi retak.

Disamping itu juga terdapat beberapa perbezaan peragaan barang kemas di Malaysia dan luar negeri antara sebabnya ialah :

- 1) Perasaan tidak berani untuk mencuba sesuatu perubahan
- 2) Peragaan yang tidak menggambarkan seperti suatu suasana.
- 3) Penggunaan cahaya hanya untuk menerangi barang kemas sahaja dan tidak digunakan bagi mendapatkan kesan sampingan.
- 4) Peragaan barang kemas tidak seharusnya dimuatkan terlalu banyak dengan barang kemas, walaupun tujuan utama peragaan adalah untuk mempamerkan peragaan.
- 5) Berbagai jenis bahan boleh digunakan dalam peragaan

asalkan ia bersesuaian dengan peragaan serta tema.

Secara keseluruhannya proses menyediakan peragaan adalah penting kerana ia menentukan peragaan tersebut berjaya serta dapat menarik minat pelanggan.

Dengan itu cadangan saya bagi mengakhiri tajuk tesis ini ialah supaya pengusaha-pengusaha memberi perhatian dalam mempertingkatkan mutu peragaan kerana peragaan ini menggambarkan imej kedai tersebut. Disamping itu juga pengusaha-pengusaha seharusnya berani mencuba sesuatu pembaharuan dalam mencipta peragaan supaya pelanggan tidak akan merasa bosan dengan peragaan yang sama dan tidak menarik.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

1. David Mun, **Shops - A Manual of Planning and Design.**
2. De Beers Diamond Promotion Service, **Jewellery News Asia**, 1990.
3. Entry Form - 1991 Diamonds Today
4. Haruhisa Hattori, **How to Understand and Use Display.**
5. Sharmi Mahadi, **Seri Interior.**
6. William R. Green, **The Retail Store.**
7. Encik Rashid,
K.M. Oli Mohammed, Yow Chuan Plaza,
Kuala Lumpur. Pada 7hb. Disember 1991 (Sabtu) Jam
2.00 petang hingga 4.00 petang.
8. Habib Jewels, Semua House,
Kuala Lumpur. Pada 15hb. Disember 1991 (Sabtu) Jam
3.00 petang hingga 3.45 petang.
9. Yap Yook Cheong,
Syarikat Emas Permata Cheong Hing,
Seremban. Negeri Sembilan. Pada Oktober 1991 (Sabtu)
Jam 11.25 hingga 12.50 tengahari.